

Ikuti kami di    

# MAJLIS PELANCARAN KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD



Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid menyampaikan ucapan



Sesi bergambar bersama pemenang pertandingan logo baharu Kopmedia dan anugerah anggota setia melebihi 35 tahun serta hadiah pembeli tertinggi Coop Mart.



Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid menandatangani plaq majlis perasmian Kopmedia



Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid mengunjungi kaunter keanggotaan Kopmedia



Encik Mohd Fadzil Abdul Ghani, Pengerusi Kopmedia menyampaikan cenderahati kepada Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid



Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid bersama Encik Mohd Fadzil bin Mat Lahim, Timbalan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia memegang T-Shirt Kopmedia.



Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid menyampaikan hadiah kepada Faznur Idza Ali Azhar iaitu pemenang cipta logo Kopmedia

**Februari 2025** - Koperasi New Straits Times Press (M) Berhad secara rasmi perubahan nama dan logo kepada Koperasi Media Prima Berhad (Kopmedia) sempena ulang tahun ke-58 penubuhannya. Perubahan ini telah dilancarkan oleh Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Seri (Dr) Syed Hussian Aljunid pada majlis pelancaran yang diadakan pada 28 Februari 2025 di Coopmart, tingkat 6, Anjung Liku, Balai Berita Bangsar, yang menyatakan bahawa langkah ini menandakan pencapaian penting dalam sejarah koperasi dan mencerminkan komitmen syarikat dalam menjaga kebajikan warga kerja Media Prima Berhad (MPB), khususnya ahli koperasi yang telah menyumbang kepada pembangunan koperasi sejak dahulu.

Turut hadir, Pengurus Besar Kumpulan Jabatan Komunikasi Korporat MPB, Azlan Abdul Aziz, Pengarang Urusan Kumpulan (GME) MPB, Jasbant Singh dan Timbalan Pengarang Urusan Kumpulan (DGME), Farrah Naz Abd Karim, Pengerusi Kopmedia, Mohd Fadzil Abdul Ghani, Pengarang Kumpulan Harian Metro, Husain Jahit, Timbalan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan, Mohd Fadzli Mat Lahim, Ketua Pegawai Eksekutif Rakyat Management Service Sdn Bhd, Mohamad Azwani Asa'd, Bendahari Angkatan Wilayah Persekutuan, M Nasir Ramli.

Kopmedia kini akan memperluas skop perkhidmatan dan memberikan manfaat kepada lebih ramai kakitangan MPB. Matlamat utamanya adalah untuk memberi sokongan dalam aspek ekonomi, kebajikan dan pembangunan profesional kepada anggotanya seiring dengan perubahan ini.

Kopmedia juga berusaha untuk mengubah stigma mengenai koperasi dan menggalakkan budaya menabung dalam kalangan anggota untuk meningkatkan kestabilan kewangan mereka.

Sejarah koperasi ini bermula pada 1967 dengan nama Straits Times Press Cooperative Thrift and Loan Society (Malaysia) Limited dan telah mengalami beberapa perubahan nama, termasuk kepada Koperasi New Straits Times Press (M) Berhad pada 1980.

Dengan nama baru, Kopmedia berharap dapat memperkukuh kedudukan koperasi dalam landskap ekonomi yang semakin dinamik dan memberi manfaat yang lebih besar kepada anggota. Pada 2018, koperasi ini juga pernah menduduki tempat ke-35 terbaik di kalangan 14,000 koperasi di Malaysia.

#kopmedia  
#majukoperasianggotabahagia